

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTP 301 – SAINS PENGURUSAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

SOALAN 1 (25 markah)

- (a) Di bawah adalah jadual taburan bilangan pekerja di sebuah syarikat pembuatan di Seberang Prai. Syarikat ini mahu mengkaji taburan jantina pekerja yang terlibat dengan kesatuan pekerja. Taburan pekerja diklasifikasikan mengikut jenis jantina dengan penglibatan mereka dalam kesatuan pekerja.

Pekerja	Bilangan ('000)
Perempuan dan terlibat dengan kesatuan pekerja	12
Perempuan dan tidak terlibat dengan kesatuan pekerja	25
Lelaki dan terlibat dengan kesatuan pekerja	21
Lelaki dan tidak terlibat dengan kesatuan pekerja	42

- (i) Apakah kebarangkalian setiap kejadian untuk taburan di atas?
(ii) Apakah kebarangkalian yang pekerja itu seorang lelaki?

(5 markah)

- (b) Hospital Besar Pulau Pinang sedang menjalankan kajian perhubungan antara kesihatan pesakit-pesakitnya dengan ketagihan merokok. Beberapa penyelidik daripada Universiti Sains Malaysia telah ditugaskan mengumpul data statistik terhadap pesakit-pesakitnya. Penyelidik-penyelidik ini mendapati bahawa pesakit yang merokok mempunyai 18% peluang untuk mendapat penyakit yang lebih serius seperti lemah jantung dan kanser, manakala hanya 0.06 kebarangkalian bagi pesakit yang tidak merokok untuk menghidap penyakit yang serius ini. Daripada rekod hospital, penyelidik-penyelidik ini mengetahui yang 23% daripada keseluruhan pesakit-pesakit adalah golongan yang merokok dan selebihnya adalah tidak merokok. Untuk tujuan perancangan, para doktor di Hospital Besar Pulau Pinang ingin mengetahui kebarangkalian pesakit itu seorang yang merokok sekiranya beliau menghidap penyakit yang serius.

(10 markah)

- (c) Universiti Sains Malaysia (USM) mempunyai 3 buah cawangan kampus iaitu Kampus Utama di Pulau Pinang, Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal dan Kampus Perubatan di Kubang Kerian. Jabatan Peperiksaan sedang mengadakan kajian kompetensi terhadap pelajar-pelajar di setiap kampus. Kampus perubatan mempunyai 25% pelajar manakala kampus utama mempunyai 40% pelajar dan kampus kejuruteraan mempunyai 35% pelajar. Ujian kompetensi minimum diberikan kepada semua pelajar dan keputusan adalah 10% pelajar di kampus perubatan gagal, 15% pelajar di kampus utama gagal dan hanya 5% pelajar kampus kejuruteraan.

...3/-